

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI  
BIL.1 TAHUN 2023  
BERTARIKH 21 MAC 2023**

**MAKLUM BALAS DARIPADA PIHAK PEGAWAI TERHADAP USUL-USUL PIHAK PEKERJA**

| Bil. | PERKARA               | KETERANGAN  | MAKLUM BALAS  |
|------|-----------------------|---|---|
| 1.   | Pengimbas Kad         | <p>Mesyuarat bersetuju supaya pemakluman mengenai masalah mesin pengimbas dan sistem MyAttendance dihebahkan kepada kakitangan dengan lebih kerap.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: UKP BHEUU</b></p>  | <p>Unit Khidmat Pengurusan BHEUU mengambil maklum perkara ini.</p> <p>Tindakan telah diambil melalui emel pemakluman Pembetulan Masa Sistem MyAttendance bertarikh 16 Februari 2023 dan sebarang gangguan yang dialami jika ada akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.</p>   |
| 2.   | Kursus Asas Kebakaran | <p>Mesyuarat bersetuju supaya tindakan susulan diambil bagi perkara-perkara berikut:</p> <p>a) kursus ini boleh dipertimbangkan jika terdapat keperluan;</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU</b></p> <p>b) PKKB diminta membuat perkongsian ilmu kepada kakitangan berdasarkan sesi pembelajaran yang telah dihadiri bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perkongsian maklumat boleh dibuat melalui hebahan infografik bagi tujuan meningkatkan kesedaran; dan</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: PKKB</b></p> <p>c) memastikan Ketua Aras yang dilantik menjalankan fungsinya dan memaklumkan perkara-perkara yang wajib dilaksanakan semasa kebakaran.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: UKP BHEUU</b></p> | <p>a) Urusetia PKKB sedang menunggu maklum balas dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya bagi mendapatkan persetujuan dan tarikh untuk mengadakan ceramah/kursus pada 9 Mei 2023. Cadangan lain sekiranya dipersetujui ialah menjemput pihak Angkatan Pertahanan Awam untuk mengadakan kursus tersebut.</p> <p>b) PKKB akan melaksanakan perkongsian ilmu berkenaan asas keselamatan kebakaran melalui emel/siar raya secara berkala.</p> <p>c) UKP BHEUU telah memaklumkan kepada Ketua Insiden dan Penolong Ketua Insiden BHEUU supaya mengingatkan semua Ketua Aras dan Penolong Ketua Aras mengenai peranan dan tugas yang perlu dilakukan dari masa ke semasa sekiranya berlaku sebarang bencana atau kebakaran melalui emel bertarikh 10 Mac 2023.</p> |

| Bil. | PERKARA   | KETERANGAN   | MAKLUM BALAS  |
|------|---|--|---|
| 3.   | Penggunaan Tulisan Dan Ayat Dalam E-mel Rasmi                 | <p>Mesyuarat bersetuju supaya hebahan dibuat mengenai tatacara penulisan emel berdasarkan kepada Arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU Bilangan 5 Tahun 2014 mengenai Penulisan Surat Rasmi, Memo dan Emel.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU</b></p> | <p>Panduan ini telah dipanjangkan kepada warga BHEUU, JBG dan Mdl pada 8 Mac 2023 seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Panduan Penulisan Surat Rasmi, Memo, Dan Emel Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 5 Tahun 2014;</li> <li>2. Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Penulisan Minit Mesyuarat Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 6 Tahun 2014.</li> </ol>  |
| 4.   | Hebahan Salam Perkenalan Pegawai Baharu Melapor Diri Di BHEUU | <p>Mesyuarat bersetuju supaya pegawai baharu diperkenalkan kepada semua kakitangan dengan dibantu oleh pegawai pentadbiran Seksyen/Unit di mana pegawai tersebut ditempatkan.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU</b></p>  | <p>Unit Sumber Manusia BHEUU telah mengeluarkan pemakluman kepada pentadbir seksyen/unit di BHEUU untuk membantu sesi perkenalan pegawai baharu di seksyen/unit masing-masing melalui emel bertarikh 17 November 2022 dan juga melalui Aplikasi WhatsApp Pegawai BHEUU.</p>   |
| 5.   | Pintu-Pintu Tidak Ditutup Dengan Rapat                        | <p>Mesyuarat bersetuju supaya Ketua Jabatan membuat peringatan kepada kakitangan di jabatan masing-masing supaya memastikan pintu-pintu di setiap laluan masuk bertutup rapat.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU/JBG/Mdl</b></p>                                     | <p><b><u>BHEUU</u></b><br/>BHEUU telah memberikan peringatan kepada warga kerja melalui emel bertarikh 9 Mac 2023 dan melalui sistem siar raya Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang pada setiap petang hari Jumaat bermula 10 Mac 2023.</p> <p><b><u>Mdl</u></b><br/>Mdl mengambil maklum dan tindakan peringatan telah diambil.</p> <p><b><u>JBG</u></b><br/>Emel peringatan kepada warga JBG telah dihantar pada 11 September 2022 bagi memastikan pintu-pintu di setiap laluan masuk bertutup rapat.</p> |
| 6.   | Akses Laluan Dari Pintu Cermin Di Blok Utara                  | <p>Mesyuarat bersetuju akses melalui pintu berkenaan dibuka semula untuk kegunaan kakitangan di Blok Utara.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU</b></p>  | <p>Pintu Cermin di Blok Utara Aras G telah dibuka untuk kegunaan kakitangan Bangunan BHEUU sahaja. Pintu ini akan dibuka pada pukul 6.00 pagi dan dikunci pada jam 7.00 malam setiap hari bekerja.</p>  |

| Bil. | PERKARA  | KETERANGAN  | MAKLUM BALAS   |
|------|--|---|--|
| 7.   | Larangan Kakitangan Merokok Di Tangga Kecemasan                | <p>Mesyuarat bersetuju supaya e-mel hebahan kesedaran dan peringatan mengenai kawasan larangan merokok dikeluarkan oleh semua jabatan.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: BHEUU/JBG/Mdl</b></p>  | <p><b><u>BHEUU</u></b><br/>BHEUU telah mengeluarkan emel dan poster berhubung tempat larangan merokok yang ditempatkan di tempat yang bersesuaian.</p> <p><b><u>Mdl</u></b><br/>Emel hebahan kesedaran dan peringatan mengenai kawasan larangan merokok telah dikeluarkan melalui emel bertarikh 7 Mac 2023.</p> <p><b><u>JBG</u></b><br/>Hebahan kesedaran dan peringatan mengenai Kawasan Larangan Merokok dilaksanakan di dalam Mesyuarat Pengurusan JBG setiap bulan. Minit Mesyuarat telah diedarkan ke semua cawangan JBG di seluruh negara. Emel hebahan berkenaan larangan merokok telah dihantar kepada warga JBG pada 13 Mac 2023.</p> |
| 8.   | Membekalkan Baju Hujan Dan Beg Dokumen Kepada Penghantar Notis | <p>Mesyuarat bersetuju cadangan perolehan baju hujan dan beg kepada kakitangan JBG yang berkenaan dipertimbangkan pada tahun 2023.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: JBG</b></p>  | <p>JBG di dalam proses membuat perolehan baju hujan dan beg kalis air untuk mereka yang berkeperluan.</p>  |
| 9.   | Kursus Penyediaan Afidavit Kepada Penghantar Notis             | <p>Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan kursus ini secara dalam talian pada tahun ini. Kursus secara bersemuka boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada tahun 2023 tertakluk kepada peruntukan semasa.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: JBG</b></p>   | <p>Kursus Penyediaan Afidavit kepada Penghantar Notis telah dilaksanakan secara dalam talian pada 24 November 2022 dengan menggunakan peruntukan kewangan tahun 2022.</p>  |
| 10.  | Pelancaran Laman Sesawang MBJ BHEUU                            | <p>Mesyuarat bersetuju supaya beberapa perkara ditambah baik seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. gambar ahli mesyuarat MBJ BHEUU yang dijadikan latar belakang laman utama perlu diterangkan;</li> <li>ii. nombor telefon untuk dihubungi perlu spesifik kepada nombor pihak pekerja yang dipertanggungjawabkan berbanding meletakkan nombor talian am;</li> </ol> | <p>Perkara-perkara yang disenaraikan telah diambil maklum dan ditambahbaik sebelum halaman sesawang tersebut dilancarkan secara live di Portal BHEUU. Untuk makluman ahli mesyuarat, memandangkan laman sesawang ini memerlukan pengemaskinian dari masa ke masa mengikut keperluan dan kehendak semasa. Pihak Pekerja sentiasa terbuka menerima sebarang cadangan dan komen yang membina ke arah</p>  |

| Bil. | PERKARA                                | KETERANGAN  | MAKLUM BALAS  |
|------|--|---|---|
|      |  | <p>iii. gelaran (Encik/Puan) bagi setiap nama pegawai di dalam Senarai Pihak Pegawai dan Senarai Pihak Pekerja perlu diseragamkan;</p> <p>iv. tajuk di menu utama laman sesawang perlu diseragamkan;</p> <p>v. memastikan pekeliling perkhidmatan yang digunakan betul dan terkini;</p> <p>vi. minit mesyuarat tidak dimuatnaik ke dalam laman sesawang atas faktor keselamatan maklumat kerana dikhuatiri disalahgunakan; dan</p> <p>vii. mendapatkan kebenaran urus setia MBJ BHEUU/pengurusan tertinggi terlebih dahulu sebelum memuat naik input yang hendak dimasukkan ke laman sesawang.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: Pihak Pekerja/Urusetia MBJ</b></p> | <p>penambahbaikan supaya lebih berinformasi dan memberi manfaat kepada semua pihak.</p>   |
| 11.  | Pemakluman Usul-Usul Baharu Lebih Awal | <p>Mesyuarat bersetuju supaya pihak pekerja menyelaras pengumpulan usul-usul baharu lebih awal untuk dimaklumkan kepada pihak pengurusan jabatan.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan: Pihak Pekerja</b></p>   | <p>Pihak Pekerja dan Urusetia bersetuju supaya mesyuarat Pra MBJ dan MBJ dijarakkan untuk memberikan laluan kepada pihak Urusetia MBJ/wakil pekerja masing-masing mengemukakan usul baharu kepada pihak pengurusan jabatan masing-masing.</p> |